

MH370

MS 8

MAJLIS ULANG TAHUN MEMPERINGATI TRAGEDI MH370



[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH]

Intan Maizura bersama anak, Iman Mohd Hazrin, 9, (kanan) dan Muhammad Mohd Hazrin, 4, pada majlis ulang tahun memperingati tragedi MH370 yang turut disertai orang ramai (gambar kanan) di Kuala Lumpur, semalam.

'Hentikan teori sensasi'

→ Waris tolak laporan agenda peribadi juruterbang punca nahas

Oleh Luqman Arif
Abdul Karim
Luqman.arif@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Teori sensasi mendakwa dari seluruh negara itu bertujuan memperingati insiden MH370 yang kini memasuki tahun kelima, sejak dilaporkan hilang daripada radar ketika dalam penerbangan dari Lapanan Terbang Antarabangsa

publisiti murahan.

Waris mangsa MH370, Intan Maizura Othaman, berkata, setiap kakitangan Malaysia Airlines Berhad ada kod etika kerja yang menggariskan peraturan untuk tidak mencampuradukkan urusan peribadi.

"Siapa sahaja yang cetuskan teori tidak berdasas seperti ini hanya nak cari publisiti," katanya kepada pemberita pada majlis ulang tahun memperingati tragedi MH370, di sini, semalam.

Majlis dihadiri waris mangsa dari seluruh negara itu bertujuan memperingati insiden MH370 yang kini memasuki tahun kelima, sejak dilaporkan hilang daripada radar ketika dalam penerbangan dari Lapanan Terbang Antarabangsa

Kuala Lumpur (KLIA) ke Beijing, China, pada 8 Mac 2014 lalu.

Portal berita antarabangsa sebelum ini melaporkan juruterbang MH370, Kapten Zaharie Ahmad Shah, menyusun rancangan untuk kahwin lari dengan kekasihnya, dikenali sebagai Rina, ketika bertugas mengemudikan pesawat terbabit, lima tahun lalu.

Didakwa selamatkan diri

Juruterbang berasal dari Pulau Pinang itu didakwa menyelamatkan diri menggunakan payung terjun selepas mengemudi pesawat dengan nombor siri 9M-MRO berkenaan pada ketinggian 3,000 kaki (914 meter), berdekatan perairan selatan Lautan Hindi, iaitu lokasi terakhir dikatakan kapal terbang terbabit

dikesan menggunakan maklumat daripada satelit Inmarsat.

Zaharie kemudian didakwa bertemu Rina yang dikatakan menyewa bot khas dan menunggu ketibaan juruterbang berkenaan seperti dirancang sebelum ini.

Intan yang juga bekas pramugari dan balu kepada kru MH370, Mohd Hazrin Hasnan, berkata Zaharie berhak berpolygami, namun menolak kemungkinan juruterbang berkeunaan sanggup mengorbankan 227 penumpang demi agenda peribadi.

"Sudah-sudahlah dengan teori seperti ini. Apa kita mahukan ialah bukti pencarian dan penutup kepada episod kehilangan MH370 yang sekian lama dituntut waris," katanya.